

UKM, USM hasilkan sistem Casemix

Cheras: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) mencipta sejarah apabila berjaya menghasilkan Sistem Gabungan Kesihatan Pergigian (Sistem Casemix MY DRG (R) Oral Health) yang pertama di dunia.

Sistem Casemix adalah klasifikasi berdasarkan rawatan yang diterima setiap pesakit.

Pengasas Pusat Antarabangsa Casemix dan Pengekodan Klinikal (ITCC), Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPU-KM), Prof. Datuk Dr. Syed Mohamed Aljunied, berkata sistem yang dibangunkan sejak lima tahun lalu bersama USM adalah yang pertama di dunia membabitkan kesihatan pergigian.

"Banyak hospital di selu-

ruh dunia termasuk Malaysia sudah menggunakan sistem Casemix, tetapi untuk kesihatan pergigian (MY DRG (R) Oral Health), ini adalah yang pertama di dunia," katanya pada Majlis Penutup Persidangan Antarabangsa Pembiayaan Kesihatan kali kedua, di sini, baru-baru ini.

Mudahkan proses

Prof. Syed Mohamed berkata, konsep sistem berkenaan adalah bagi memudahkan proses mendiagnosis pesakit pergigian dengan menggabungkan pesakit kepada satu kategori pesakit yang sama.

"Konsep sistem gabungan kes ini mampu memberi manfaat kepada pihak pengurusan hospital bagi tujuan penambahbaikan

dalam perkhidmatan dan memperkukuhkan lagi kualiti kesihatan hospital.

"Sistem ini masih lagi dalam bentuk prototaip, berkemungkinan dalam tempoh satu tahun lagi ia boleh digunakan secara menyeluruh," katanya.

Sistem Casemix dapat dimanfaatkan bukan sahaja kepada orang awam dalam mendapatkan rawatan kesihatan pergigian lebih baik, tetapi juga mampu menjadi tanda aras kualiti dan kuantiti penggunaan sumber serta kos rawatan pihak pengurusan hospital.

Sistem yang bersifat universal itu boleh diubahsuai mengikut kehendak dan keperluan sesebuah hospital di negara yang ingin menggunakannya.



Sebahagian daripada peserta yang menghadiri Persidangan Antarabangsa Pembiayaan Kesihatan kali kedua, baru-baru ini.